

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MENARA SEA INSURANCE JALAN SULTAN
ISMAIL, KUALA LUMPUR
DI MENARA SEA INSURANCE JALAN SULTAN ISMAIL, KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2000

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan SEA Insurance Berhad yang telah menjemput saya untuk merasmikan menara SEA Insurance yang indah dan tersergam ini.

2. Tahniah diucapkan kepada SEA Insurance dan DRB- Hicom kerana memiliki satu bangunan sebegini rupa di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur. Tidak dapat dinafikan kemampuan memiliki bangunan seumpama ini merupakan satu petanda kemantapan dan kekukuhan sesebuah syarikat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Industri perinsuranaan adalah cabang sektor kewangan yang sedang mengalami perkembangan pesat apabila keadaan ekonomi bertambah baik, setelah terjejas selama 2 tahun akibat kegawatan pada tahun 1997 / 1998.

4. Pertumbuhan pesat ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil pada "underwriting" premium serta kenaikan pendapatan premium di samping kekukuhan yang dialami oleh sektor pelaburan.

5. Bagi tempoh enam bulan pertama pada tahun ini, industri insuran terus mencatatkan kemajuan sejajar dengan suasana ekonomi yang semakin bertambah baik. Premium kasar sektor insuran am mencatatkan rekod pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus kepada RM 2.9 billion pada setengah tahun pertama tahun ini, berbanding dengan RM 2.7 billion dalam tempoh yang sama pada tahun lepas.

6. Insuran motor terus menguasai sektor insuran am, iaitu 44.3 peratus daripada jumlah pendapatan kasar premium diikuti dengan insuran pelbagai kelas lain sebanyak 24.1 peratus.

7. Jumlah aset insuran am telah meningkat sebanyak 4.55 peratus kepada RM 14.11 billion pada akhir Jun berbanding dengan RM 13.5 billion pada tahun lalu. Aliran tunai dan deposit terus kekal sebagai komponen terbesar yang bernilai RM 5.11 billion atau 36.2 peratus dari jumlah dana insuran am, diikuti dengan sekuriti korporat dan sekuriti "debt" yang berjumlah RM 3.97 billion ataupun 28.1 peratus.

8. Sealiran dengan saranan kerajaan dalam usaha untuk memantapkan lagi industri ini, beberapa perubahan telah dan akan berlaku. Di antara tatacara strategi syarikat insuran ialah merangka perubahan melalui pengabungan syarikat atau merger, peningkatan modal dan sebagainya.

9. Turut dijangkakan ialah perubahan tariff insuran motor yang akan juga berlaku pada akhir tahun ini berikutan perubahan tariff insuran kebakaran baru-baru ini.

10. Sementara itu, akibat daripada kesedaran rakyat ke atas kebajikan dan kesihatan yang semakin meningkat, kesedaran ini akan memberi kesan yang besar ke atas insuran kesihatan yang dijangka menunjukkan pertumbuhan besar.

11. Dengan keperihatinan yang mendalam di atas keperluan ini, saya telah diberitahu Persatuan Insuran Nasional Malaysia atau NIAM dengan kerjasama beberapa pihak, telah mengeluarkan satu produk insuran am untuk seluruh rakyat Malaysia dan diberi nama Sihat Malaysia, yang akan dimajukan oleh syarikat-syarikat insuran am tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Seperti sektor lain, industri perinsuran tidak juga terkecuali daripada menghadapi cabaran arus pasaran terbuka tanpa sempadan apabila skim AFTA dan TWO dilaksanakan nanti.

13. Syarikat insuran sendiri harus mempersiapkan dan melengkapkan diri untuk menghadapi pertumbuhan ini. Sekiranya industri perinsuran mahu terus berkembang maju, ia mesti bertindak sejajar dengan perubahan "intrinsic".

14. Industri perinsuran harus meningkatkan potensi dan kekuatannya sekurang-kurangnya dalam tiga peringkat, iaitu dari segi kedudukan kewangan, strategi dan kompetitif.

15. Satu kekurangan yang ketara, sungguhpun kewangan industri tempatan ini adalah kukuh tetapi ia masih kekal kecil jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat insuran dari luar negara. Inilah rasionalnya kepada seruan kerajaan untuk syarikat-syarikat insuran yang kecil bergabung agar industri ini menjadi lebih mantap.

16. Penggabungan bukan lagi merupakan satu pilihan, ia adalah satu realiti bagi kita mempersiapkan diri untuk menghadapi pasaran terbuka tanpa sempadan yang semakin hampir.

17. Syarikat-syarikat insuran bumiputera yang hingga kini hanya tinggal tiga sahaja, iaitu SEA Insurance, MNI dan Amanah. Syarikat-syarikat tidak terkecuali dalam menghadapi arus perubahan ini. Selaras dengan ini kerajaan sedia berbincang berkaitan cadangan atau rancangan yang dapat menggerakkan dan memantapkan lagi syarikat insuran bumiputera kita.

18. Seperti yang disebut oleh Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Saleh tadi berkenaan hasrat SEA Insurance untuk menjadi syarikat peneraju (anchor), kerajaan sedia mempertimbangkan permohonan syarikat-syarikat bumiputera yang memenuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan untuk memainkan peranan utama dalam penggabungan ini.

19. Strategi utama syarikat dan industri perinsuran di masa kini dalam menentukan perkembangan di masa depan, adalah untuk menggabung dan memperkukuhkan kedudukan kewangan. sementara itu, syarikat insuran, broker dan agen-agen insuran mesti mengubah hala-tuju tenaga dan sumber ke arah mencapai faktor kejayaan yang kritikal yang akan menjadi penentu.

20. Dalam hal ini, kita semua sedar tentang pentingnya sumber manusia dimajukan di mana pengetahuan merupakan komoditi penting. Industri perinsuranaan harus bergerak cepat untuk bertindak supaya satu bentuk program difikirkan yang bertujuan untuk menyusun atur latihan industri yang rapi dan komprehensif.

21. Ekonomi masa depan akan dibina dalam persekitaran teknologi dan kebijaksanaan, dan industri yang melaksanakan kedua-duanya akan meningkat maju.

22. Sementara itu, sejajar dengan perkembangan dunia I.T dan tuntutan daya saing yang tinggi, penggunaan Sistem Teknologi Maklumat dan k-ekonomi sudah semesti menjadi amalan dalam syarikat-syarikat insuran tempatan yang tidak mahu ketinggalan.

23. Belanjawan 2001 pula adalah bertujuan antara lain untuk memastikan kita punya keupayaan untuk melaksanakan strategi dalam usaha kita untuk merealisasikan matlamat 2020.

24. Peningkatan produktiviti yang dijangkakan secara langsung akan meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat yang sekali gus akan menjana peningkatan perolehan industri insuran.

25. Industri insuran mempunyai peranannya sendiri dan untuk kekal kompetitif, institusi insuran tempatan mesti meningkatkan tahap pengeluaran, kecekapan dan penyelidikan pasaran. Ini bermakna aspek utama operasi, pengedaran, tanaman modal dan pentadbiran perlu dikaji semula.

26. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Menara SEA Insurance ini.

Terima kasih.